



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 17 SEPTEMBER 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 17 September 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **22,970 kes** (1,823,248 kes kumulatif, 88.2%);
- Kes baharu : **17,577 kes** (2,067,327 kes kumulatif);
- Kes import : **3 kes** (3 warganegara);
- Kes tempatan : **17,574 kes** [15,438 warganegara (87.8%); 2,136 bukan warganegara (12.2%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **1,223 kes** (891 kes COVID-19; 332 kes *suspected, probable*, dan kes dalam siasatan);
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **720 kes** (410 kes COVID-19; 310 kes *suspected, probable*, dan kes dalam siasatan);
- Jumlah kluster : **5,247 kluster**;

- Jumlah kluster baharu : **19 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **3,860 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **1,387 kluster**.

Daripada **17,577 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini,

- **244 kes (1.4 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **17,333 kes (98.6 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian jumlah dan purata kes mengikut negeri, kluster-kluster baharu, dan nilai R_T mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3, dan 4 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Data kematian dan data-data lain bagi situasi semasa jangkitan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman GitHub dan laman web **COVIDNOW** di <https://covidnow.moh.gov.my>.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

17 September 2021 @ 6:15 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 17 SEPTEMBER 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	PURATA KES 7 HARI*	KADAR INSIDEN **	BILANGAN KES BAHARU ()***	BILANGAN KES KUMULATIF
SARAWAK	3,761	127.64	3,480	174,152
SELANGOR	2,453	36.00	2,646	654,286
JOHOR	2,076	52.19	2,334	174,625
SABAH	1,786	43.43	1,533	182,826
PULAU PINANG	1,575	86.29	1,462	116,152
KEDAH	1,231	53.58	1,173	123,909
KELANTAN	1,216	60.85	869	99,735
PERAK	1,210	68.24	1,596	88,738
TERENGGANU	782	59.32	719	46,514
PAHANG	749	28.44	832	55,578
WP KUALA LUMPUR	419	21.75	366 (2)	182,099
MELAKA	299	30.71	287	54,524
NEGERI SEMBILAN	195	16.59	198 (1)	95,356
PERLIS	62	23.24	41	3,091
WP PUTRAJAYA	22	23.09	31	5,831
WP LABUAN	6	5.47	10	9,911
MALAYSIA	17,842	52.11	17,577 (3)	2,067,327

*Tidak termasuk kes import A (luar negara) dan di Penjara/Lokap/Depot Tahanan Imigresen (DTI)

**Purata kes 7 hari bagi setiap 100,000 penduduk

***Kes import

LAMPIRAN 2

Perincian 17,577 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 17 September 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SARAWAK	3,480	176	2,311	-	993
SELANGOR	2,646	79	1,352	-	1,215
JOHOR	2,334	162	1,389	-	783
PERAK	1,596	484	444	-	668
SABAH	1,533	73	852	-	608
PULAU PINANG	1,462	238	463	-	761
KEDAH	1,173	11	677	-	485
KELANTAN	869	37	496	-	336
PAHANG	832	233	482	-	117
TERENGGANU	719	9	571	-	139
WP KUALA LUMPUR	366	12	193	2	159
MELAKA	287	31	139	-	117
NEGERI SEMBILAN	198	9	130	1	58
PERLIS	41	-	13	-	28
WP PUTRAJAYA	31	-	25	-	6
WP LABUAN	10	-	-	-	10
JUMLAH KESELURUHAN	17,577	1,554	9,537	3	6,483

* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

LAMPIRAN 3**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 17 SEPTEMBER 2021**

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
1	Jalan Perindustrian Bakri	Tempat Kerja	Johor	Muar	39	79
2	Industri PLO 80	Tempat Kerja	Johor	Kulai	10	38
3	Industri Jalan Usaha Tiga	Tempat Kerja	Melaka	Melaka Tengah dan Alor Gajah	33	265
4	Industri Kechau Tui	Tempat Kerja	Pahang	Lipis	49	266
5	Jalan Simpang Pulai Cameron	Tempat Kerja	Perak	Kinta	257	355
6	Taman Industri Pelabuhan 2	Tempat Kerja	Perak	Manjung	55	1,291
7	Industri Jalan Logam Empat	Tempat Kerja	Perak	Larut, Matang, dan Selama	42	282
8	Pasar Sungai Siput	Tempat Kerja	Perak	Kuala Kangsar	31	73
9	Tapak Bina Jalan Langat Bestari	Tempat Kerja	Selangor	Klang dan Kuala Langat	189	340
10	Industri Anggerik Mokara 48	Tempat Kerja	Selangor	Klang, Petaling, Gombak, dan Hulu Langat	28	159
11	Jalan Dwtasik	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Cheras	8	10

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
12	Dah Kampung Permatang	Komuniti	Kedah	Bandar Baharu	24	53
13	Kampung Padang Kemachi	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	12	16
14	Jalan Merpati Guru	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	11	17
15	Taman Selinsing	Komuniti	Pahang	Lipis	18	155
16	Kampung Sungai Koi	Komuniti	Pahang	Jerantut	10	36
17	Sungai Pana	Komuniti	Sarawak	Beluru dan Miri	34	149
18	Jalan Susur Kulai Satu	Kumpulan Berisiko Tinggi	Johor	Kulai	12	68
19	Jalan Mas Kulai	Kumpulan Berisiko Tinggi	Johor	Kulai	10	37

LAMPIRAN 4

**NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN
PADA 16 SEPTEMBER 2021**

NEGERI	NILAI R_T
SARAWAK	1.11
PERAK	1.04
TERENGGANU	1.04
PERLIS	1.03
PAHANG	1.02
JOHOR	1.01
PULAU PINANG	1.01
KELANTAN	1.00
SABAH	0.93
MELAKA	0.91
KEDAH	0.88
NEGERI SEMBILAN	0.86
WP PUTRAJAYA	0.86
SELANGOR	0.84
WP KUALA LUMPUR	0.82
WP LABUAN	0
MALAYSIA	0.98